

SENADA

BERITA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BIL: 276 • ISSN 0128-1742 • JANUARI 2005

KANDUNGAN

Lebih RM 100,000 Berjaya Diperoleh Menerusi Tabung Bantuan Bencana Tsunami	3
Majlis Pelancaran Logo 35 Tahun UKM dan Program Sempena Ulang Tahun Ke-35 UKM	4
UKM Berjaya Memperolehi 29 Pingat di MASUM Ke-2	8
Loh Wan Chen Mendapat Anugerah Pelajar IT Terbaik 2004	10
Prof. Dr. Saran Kaur Gill Dilantik Sebagai Ahli Jawatankuasa Forum Saintifik UNESCO Bagi Asia dan Rantau Pasifik	10
UKM A-Juara Kategori English As Second Language di World Universities Debating Championship 2005	12

Lebih RM 100,000 Berjaya Diperoleh Hasil Sumbangan Warga UKM untuk Tabung Bencana Tsunami



Pengetua Kolej Keris Mas, Prof. Madya Dr. Idris Zakaria menyampaikan sumbangan daripada warga kolej tersebut untuk Tabung Bantuan Bencana Tsunami, UKM

Sejumlah RM 119,560.62 berjaya diperolehi hasil daripada sumbangan ikhlas warga UKM untuk Tabung Bantuan Bencana Tsunami (seperti pada 26 Januari 2005). Sumbangan ini menunjukkan secara langsung akan keprihatinan dan komitmen tinggi warga UKM itu sendiri dalam membantu mengurangkan kesengsaraan mangsa bencana Tsunami.

Terdahulu, sejumlah RM 95,431.18 telah berjaya dipungut dan disampaikan secara rasmi dalam majlis penyerahan sumbangan untuk tabung bencana tersebut pada 7 Januari 2005 di Bilik Senat, UKM Bangi.

Berita lanjut lihat halaman 3 ...



Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM BANGI, Selangor D.E., Malaysia
<http://www.ukm.my>

Pengurusan Universiti

Naib Canselor

Prof. Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Prof. Dr. Sukiman Sarmani (Akademik)

Prof. Dato' Dr. Mohammed Noor Embi (Pembangunan)

Prof. Dato' Dr. Mohd Wahid Samsudin (Pelajar)

Pendaftar

Datuk Taip Abu

Bendahari

Tuan Hj. Mohd. Abdul Rashid Mohd. Fadzil

Ketua Pustakawan

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Editorial

Prof. Madya Dr. Yang Farina Abdul Aziz • *Ketua Editor*

Padlon Hj. Yahya • *Timbalan Ketua Editor*

Salmah Zainal Abidin • *Editor*

Radzuan Hj. Ghazali • *Wartawan*

Faidzah Shah Rum • *Pembantu Wartawan / Pruf*

Editor Berselaku

Prof. Dr. Mohd. Safar Hasim • *FSSK*

Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi Yusoff • *F. Kejuruteraan*

Prof. Madya Dr. Ding Choo Ming • *ATMA*

Prof. Madya Dr. Joy Jacqueline Pereira • *LESTARI*

Prof. Madya Dr. June Poon Meaw Ling • *FEP*

Prof. Madya Dr. Maslina Darus • *FST*

Dr. Hafriza Burhanudeen • *PPS*

Abd. Razak Husin • *FSSK*

Muhamad Walid Osman • *PPP*

Saadah Hj Jaffar • *PP&P*

Pengeluaran

Ismail Ibrahim & Saliman Leman • *Fotografi*

Abdul Wahril Azhar Omar • *Pereka*

Abdul Wahril Azhar Omar • *Pengedaran*

SENADA elektronik boleh dicapai di:

<http://www.pro.ukm.my/senada.asp>

Sidang Pengarang SENADA amat mengalu-alukan sumbangan daripada Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian untuk diterbitkan di ruangan-ruangan tetap, berita semasa mahupun rencana yang berkaitan dengan urusan keilmuan Universiti dan pengurusan Universiti. Sila hantarkan bahan-bahan tersebut kepada:

Editor SENADA,

Bahagian Perhubungan Awam,

Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPA)

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 UKM BANGI, Selangor.

Tel: 8921 5323/8921 5052. Faks: 8925 4890

mel-e: senada@pkisc.cc.ukm.my



Dari Meja Naib Canselor

Terlebih dahulu saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2005 kepada seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan para pembaca surat berita rasmi UKM, SENADA. Tahun 2005 akan mencatat satu lagi lembaran sejarah bagi UKM kerana pada tahun ini Universiti

akan menyambut ulang tahun ke-35 penubuhannya.

UKM dilahirkan pada 1970 atas aspirasi dan perjuangan rakyat untuk melihat terdirinya sebuah universiti kebangsaan yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi. Bagaimanapun dari tahun ke tahun UKM bukan sahaja telah berjaya memenuhi hasrat dan cita-cita para pelopor dan pengasas penubuhannya, malah telah membangun dan berkembang maju dalam pelbagai bidang keilmuan. Setelah 34 tahun, UKM telah mengeluarkan lebih 99,000 graduan. Kini UKM mempunyai 17,252 pelajar prasiswazah dan 7052 pelajar pascasiswazah yang mana 909 adalah pelajar antarabangsa daripada 35 negara.

UKM sedang mengorak langkah ke hadapan bagi memenuhi agenda sebuah universiti penyelidikan. Bagi menyokong usaha, ini para penyelidik UKM telah memenangi anugerah penyelidikan di pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tahun 2004 para penyelidik UKM telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dengan memenangi pelbagai anugerah dan pingat pameran penyelidikan berprestij. Kini UKM dilengkapkan dengan kemudahan penyelidikan untuk menghasilkan ilmu baru dan melatih para profesional dari dalam dan luar negara. UKM juga telah memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM148 juta (USD 39 juta) untuk jangka masa 2001-2004.

Selain itu, UKM sedang memperkukuhkan program-program akademik dengan menekankan kepada jaminan kualiti dan aktiviti akreditasi. Pada tahun 2004, umpamanya Fakulti Kejuruteraan, UKM telah dipilih oleh Lembaga Jurutera Malaysia untuk diakreditasi oleh Washington Accord iaitu sebuah badan akreditasi antarabangsa. Pemilihan pengakreditasi dan aktiviti ke arah persijilan ISO 9001:2000 membuktikan bahawa program yang dijalankan fakulti-fakulti di UKM mengutamakan kualiti dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Dalam meneruskan tradisi kecemerlangan ini, cabaran utama yang seharusnya ditempuhi oleh UKM adalah untuk mengetengahkan acuan kebangsaan yang dipeloporinya ke persada antarabangsa.

Justeru, antara kunci utama kepada kejayaan pelaksanaan ini adalah menerusi hubungan dan jaringan strategik menerusi program-program pertukaran pelajar dan penyelidikan yang dijalankan.

Sesungguhnya pihak Universiti sentiasa menggalakkan setiap warganya untuk memanfaatkan sepenuhnya kepentingan yang boleh diperoleh terhadap program-program jaringan pengantarabangsaan seperti *Asia Link*, *Erasmus Mundus*, *The 6th Framework*, *Fulbright Fellowship*, *German Academic Exchange (DAAD)*, *Third World Academy of Sciences (TWAS)*, *Japan Society for the Promotion of Science (JSPS)*, *Asia Public Intellectual Programme (API)*, *Toyota Foundation (SEASREP)* dan *Southeast Asean Fellowship Programme (SEAF)*.

Justeru untuk merealisasikan matlamat ini, semua warga UKM harus berusaha gigih, saling bekerjasama dan menunjukkan iltizam yang tinggi dalam semua aspek. Kerjasama seumpama ini amat diperlukan demi memastikan penerusan tradisi kecemerlangan Universiti akan kekal menjadi milik kita.

Marilah kita bersama memastikan tahun 2005 akan terus membawa Universiti ke arah era cemerlang, gemilang dan terbilang.

Profesor Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin

Lebih RM 100,000 Berjaya Diperoleh Menerusi Tabung Bantuan Bencana Tsunami



Datin Lestari Soenarko menyampaikan sumbangan bagi pihak SUKMANITA kepada Dato' Salleh

Sejumlah RM 95,431.18 berjaya diperolehi (sehingga 7 Januari 2005) menerusi sumbangan warga Universiti yang disalurkan kepada Fakulti/ Pusat/ Institut/ Bahagian dan Kolej-kolej kediaman di Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Bantuan Bencana Tsunami peringkat UKM pada 7 Januari 2005 di Bilik Senat, UKM Bangi.

Menurut Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Salleh Mohd. Yasin dalam ucapan beliau menyatakan bahawa jumlah kutipan yang berjaya dipungut ini merupakan sesuatu yang di luar jangkaan dan jumlah sumbangan yang diterima untuk tabung ini kelak dijangka akan bertambah dalam jangka masa terdekat.

Jelas beliau lagi, dengan jumlah kutipan yang diperolehi ini secara tidak langsung menunjukkan betapa warga universiti begitu prihatin dengan masalah yang dialami oleh masyarakat setempat dan antarabangsa.

“Keprihatinan saudara dan saudari untuk menderma dan menghulurkan sumbangan pada hari ini mencerminkan akan keprihatinan universiti demi kepentingan sejagat. Walaupun jumlah yang dikutip ini tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan mangsa bencana, namun apa yang penting adalah sifat tolong-menolong dan keprihatinan yang ditunjukkan untuk membantu mangsa yang terlibat”, ujar Dato' Salleh.

Selain itu, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak Universiti termasuk dengan mengecualikan yuran pengajian selama satu semester kepada para pelajar Aceh yang melanjutkan pengajian mereka di UKM.

“UKM telah memberikan sumbangan awal sebanyak RM 20,000 yang telah diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. UKM juga telah menghantar sebuah lori bantuan pakaian untuk mangsa bencana di Aceh melalui kapal yang bertolak ke Aceh dua hari lepas”, ujar beliau.

“UKM juga akan mengambil perhatian terhadap keputusan Kabinet yang telah mengarahkan Kementerian Pengajian Tinggi membenarkan Institusi Pengajian Tinggi di negara ini memberikan kelonggaran penangguhan pengajian serta yuran pengajian percuma untuk satu semester kepada mahasiswa dari negara-negara yang terlibat dengan bencana ini”, ujar beliau lagi.

Antara jumlah kutipan yang berjaya dicatat pada hari



IKMAS, turut menyampaikan sumbangan untuk Tabung Bantuan Bencana Tsunami

tersebut termasuklah dari Jabatan Canselori (RM 420); Jabatan Pendaftar (RM 450); Jabatan Bendahari (RM 2,750); Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (RM 6,000); Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) (RM 1,100); Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) (RM 357); Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) (RM 3,120); Pusat Pengajian Siswazah (RM 1,000) dan Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (RM 800).

Terkini, sumbangan Tabung Bantuan Bencana Tsunami seperti pada 26 Januari 2005 adalah berjumlah RM 119,560.62.

Majlis Pelancaran Logo 35 Tahun UKM dan Program Sempena Ulang Tahun Ke-35 UKM



Dato' Salleh menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Hj. Baba

Majlis Pelancaran Logo Sambutan 35 tahun UKM oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Hj. Baba telah berlangsung pada 11 Januari 2005 di Bilik Senat, UKM Bangi.

Majlis yang bermula seawal jam 9.30 pagi itu turut melibatkan acara perasmian logo 35 tahun UKM, tayangan multimedia dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan mencipta logo sempena ulang tahun sambutan ke 35 tahun UKM. Johan pertandingan mencipta Logo 35 Tahun UKM ini dimenangi oleh En. Zulkifli Ibrahim, pegawai penerbitan di Pusat Penerbitan dan Percetakan (PP&P). Beliau menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.

Berikut adalah rasional logo sambutan 35 tahun UKM yang diilham dan direka bentuk oleh En. Zulkifli Ibrahim :

1. Reka bentuk Logo ini adalah berasaskan kepada motif bunga kebangsaan negara iaitu bunga raya. Kesenambungan daripada Sambutan 30 tahun UKM pada tahun 2000 yang lalu, motif bunga raya sekali lagi dipilih dan kali ini kelopak serta stigmanya diletakkan condong ke kanan bagi melambangkan kedinamikan usaha Universiti memartabatkan bahasa kebangsaan semenjak penubuhannya.

Bersesuaian dengan tema sambutan 35 tahun UKM iaitu UKM Penjana Wawasan, warna bunga raya melambangkan kesediaan universiti ini menghadapi cabaran masa depan, menjana dan memperkembangkan ilmu untuk masyarakat di samping mempergiatkan lagi bidang penyelidikan demi memenuhi hasrat negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

2. Lima bulatan merah di atas stigma mencerminkan lima prinsip rukun negara sesuai dengan matlamat untuk memupuk dan mengukuhkan lagi nilai yang bermoral, berakhlak dan beretika berteraskan nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh. Lima bulatan merah di bawah mencerminkan peranan



Tan Sri Mohd. Rashdan Hj. Baba melancarkan logo Sambutan 35 Tahun UKM

UKM dalam pendidikan, penyelidikan, perundangan, perkhidmatan dan kebajikan.

3. Angka 35 merujuk kepada ulang tahun ke-35 penubuhan UKM (1970-2005) dan diletakkan di

sebelah kelopak bunga raya bagi menggambarkan semangat muafakat dan saling bekerjasama yang dipupuk oleh warganya demi meningkatkan lagi citra universiti. Warna biru pada angka 35 mencerminkan kemajuan Universiti yang dicapai dalam bidang penyelidikan dan pendidikan hasil daripada semangat positif yang dipupuk oleh warganya.

4. Lapan garis kecil merah di tengah-tengah kelopak bunga raya membentuk bulatan seakan-akan rupa bentuk hadapan rebana secara grafik. Ia melambangkan rebana dipalu untuk menaikkan semangat. Semangat yang ada kini telah mengharumkan nama UKM di mata global dan kini ia menjadi tumpuan pelajar-pelajar siswazah serata pelosok dunia untuk menimba ilmu.

5. Huruf U, K dan M adalah singkatan bagi Universiti Kebangsaan Malaysia. Warna biru muda menunjukkan kewibawaan dan keharmonian Universiti manakala kuning mencerminkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan merah melambangkan kemajuan Universiti.

Rentetan daripada selesainya Majlis Pelancaran Logo 35 tahun UKM ini, beberapa program sambutan telah direncana dan dirancang oleh pihak Jawatankuasa Induk Sambutan bagi memeriahkan lagi aktiviti sepanjang tahun ini. Antaranya termasuk Pelancaran Orkestra UKM (29 Januari 2005), seterusnya diikuti dengan Majlis Pelancaran Sambutan 35 tahun UKM (3

Februari 2005); pameran sempena sambutan 35 tahun UKM (3 hingga 5 Februari 2005); pementasan teater khas (12 Februari 2005); Festival Seni UKM 2005 (17 hingga 19 Februari 2005); Pameran Seni Tampak 'Rasa Alam' UKM 2005 (9 hingga 30 April); Pertandingan Golf antara Universiti ASEAN (16 April 2005); Hari Keluarga UKM (14 Mei 2005); Pertandingan Ragbi antara Kelab, Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah (20 hingga 22 Jun 2005); Pertandingan debat antara kolej kediaman (3 hingga 7 Julai 2005); Malam Seni Berputik (6 Julai 2005);

Pertandingan nyanyian lagu-lagu Melayu Asli IPT 2005 (16 hingga 17 Julai 2005); Minggu Nostalgia P. Ramlee/Saloma (20 hingga 24 Julai 2005); Konsert Di Raja UKM 2005 (23 Julai 2005); Deklamasi Puisi Nusantara 2005 (30 Julai 2005); Larian Keliling Kampus (6 hingga 7 Ogos 2005); Festival Seni Tari Malaysia (20 hingga 21 Ogos 2005); Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu (PEKEBAYU-05) (6 hingga 8 September 2005); 1st Regional Conference on

Molecular Medicine 2005 (9 hingga 11 September 2005); Malam Keranamu Malaysia (16 September 2005); Persidangan Ulang Tahun UKM ke-35 (20 hingga 21 September 2005); Pesta Pantun UKM (23 hingga 25 September 2005) dan Pertandingan Debat Di Raja 2005 (28 November hingga 4 Disember 2005).

Tidak lebih daripada RM 500 ribu telah diperuntukkan oleh UKM untuk merealisasikan semua aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun sempena sambutan 35 tahun UKM (termasuk pembinaan beberapa arca seperti galeri Tun Abdul Razak di hadapan Pusanika dan pembinaan gerbang di dataran gemilang (akan dilaksanakan).



Abu Bakar Abdullah: Meniti Gelombang Ilmu Menuai Impian Semalam

Abu Bakar Abdullah, 55, anak jati Kampung Serkam, Melaka dilahirkan pada 15 November 1949. Beliau memulakan kerjayanya di Universiti Kebangsaan Malaysia tiga puluh dua tahun dahulu (1973-2005) sebagai kerani di Unit Pembangunan. Tugasnya ketika itu memerlukan beliau menjaga bahagian tender kewangan. Jika cuai menjalankan tugas akan menimbulkan masalah. Kemudiannya beliau ditukarkan ke Pejabat Pendaftar. Ketika itu beliau ditugaskan di Bahagian Pengambilan dan Perjawatan bagi kategori A dan B (bukan akademik). Kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir bermula di Bahagian Perumahan (1989-92). Kemudiannya ditukarkan untuk bertugas di Fakulti Sains dan Sumber Alam, Kampus Sabah (1992-95). Anak kelahiran bumi Hang Tuah ini juga pernah berkhidmat di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Fakulti Pendidikan dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Kini beliau menjalankan tugas sebagai Penolong Pendaftar (N41) di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan semenjak tahun 2000.

Penyaksian detik penggabungan kedua-dua buah fakulti pada 1 April 2004 juga merupakan salah satu daripada tugas yang mencabar kewibawaannya. Berkat ketabahan, kegigihan, minat dan kecintaannya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan telah membawa kata-kata 'membaca jambatan ilmu' meresapi jiwanya yang sentiasa ingin terus berjaya dalam mengejar cita-citanya. Hidupnya sentiasa bergelut dengan buku. Minat untuk belajar bermula sejak tahun 1970. Baginya hanya melalui pendidikan sahaja semua impian akan terlaksana. Aset yang paling penting baginya adalah pelajaran. Pendidikan adalah asas kemajuan hidup.

Kehidupan sehariannya suatu ketika dahulu 'agak susah'. Beliau yang kini bermastautin di Bandar Baru Bangi, pernah belajar secara persendirian sekitar tahun 1960-65 di Singapura. Abu Bakar amat bercita-cita untuk menjadi 'orang senang'. Beliau memulakan perjalanan ke kemuncak jaya dengan berjinak-jinak belajar secara persendirian di kelas-kelas malam demi

menggapai impian dan mengejar cita-citanya menuju ke kemuncak menara ilmu. Justeru, semua peperiksaan yang ditempuhi seperti Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan semuanya diduduki atas daya usaha dan biaya sendiri tanpa belajar di sekolah bantuan penuh kerajaan.

Iklan di akhbar *Utusan Malaysia* sekitar tahun 1973 mencorakkan hidup Abu Bakar dengan memulakan langkahnya memulakan kerjaya di UKM yang ketika itu masih di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Tradisi menuntut ilmu secara persendirian itu turut diteruskan dengan berkorban mengambil cuti tanpa gaji ketika meneruskan pengajian pada peringkat ijazah pertama B.Sc (Sains Sosial) di Universiti Sains Malaysia (1982-86). Kemudian beliau meneruskan kembara ilmunya pada peringkat sarjana (HRD) secara sambilan di Universiti Pertanian Malaysia (1996-97). Segala yang dilalui



Abu Bakar Abdullah

dalam hidupnya amat mengharukan. Beliau bukan sahaja sanggup berkorban wang ringgit tetapi yang paling penting usahanya menuntut ilmu turut memotivasikan anak-anaknya. Ketika ditemui, Abu Bakar menyatakan minatnya yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran disebabkan hobinya yang cukup suka membaca.

Abu Bakar bagaikan mendapat suntikan semangat untuk meneruskan perjuangannya ketika menuntut di pusat pengajian tinggi. Kemampuan beliau menuntut ilmu sememangnya tercabar disebabkan masalah kewangan yang dihadapi. Namun semuanya tetap diharungi dengan tabah demi minat dan cita-citanya untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Mujurlah kejujuran sekeping hati yang bergelar isteri sanggup berkorban apa sahaja demi untuk melihat cita-cita orang yang menjadi tonggak keluarganya berjaya. Isterinya Hadidah Patong yang kini berkhidmat di Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat menjadi pendorong utama dan sering memberi kata-kata semangat biar ketika itu hidupnya 'agak susah' demi untuk membesarkan zuriat mereka. Mujurlah ketabahan dan pengorbanan mereka berbaloi.

Benih kasih sayang yang disemai telah menampakkan hasil, apakala putera-puteri mereka mula akur dengan pengorbanan ayahanda mereka. Berkat doa yang dipanjatkan ke hadrat Ilahi, turut memotivasikan putera sulungnya untuk mengikut jejak Abu Bakar. Mohd. Rifdi, 24, yang sebelum ini pemegang diploma elektrik dan bertugas sebagai juruteknik, kini beralih

arah dengan melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan elektronik industri di Kolej Universiti Teknikal dan Kebangsaan Malaysia. Bagi anak keduanya, Mohd. Ramzul, 23, pula kejayaannya menjejakkan kaki ke Negara Matahari Terbit pada peringkat ijazah Kejuruteraan Mekanikal di University of Tokai, Jepun amat membanggakan keluarga ini. Kini, beliau bertugas sebagai jurutera di Panasonic Sungai Way, Petaling Jaya. Lebih membanggakan lagi anak ketiganya, Muhamad Rizuan, 19, sedang meneruskan pengajian dalam tahun dua bidang perubatan di UKM. Manakala Norhafizah, 18, pula sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Anak bungsunya Norhasimah, 13, pula berada di tingkatan satu.

Dalam mengenang saat-saat manisnya, Abu Bakar mengatakan dirinya berasa amat terharu dan amat dihargai apakala beliau mendapat anugerah khidmat cemerlang bagi tahun 2003 ketika bertugas di Fakulti Ekonomi. Cukuplah rasanya jika jasanya dikenang begitu. Catatan diari hidup beliau juga terakam indah apakala Kumpulan K-Ekonomi mendapat anugerah saguhati UKM ketika Hari Kualiti UKM bagi tahun 2000. Kejayaannya yang ketika itu sebagai fasilitator bagi Fakulti Ekonomi sehingga mendapat anugerah tersebut melakar satu lagi sejarah manis dalam hidupnya.

Ketika ditanya, Abu Bakar secara jujur mengatakan bahawa tugas yang paling mencabar mindanya sepanjang berkhidmat di UKM adalah ketika menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Kerapkali beliau terpaksa bertugas hingga dinihari terutama ketika menyiapkan bajet HUKM. Beliau juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan sering mengambil beberapa inisiatif sendiri untuk mengembangkan sayap HUKM dan melengkapkan prasarana persekitaran tempat kerja yang sesuai dengan sebuah hospital. Di situ juga banyak menguji jati diri, kesabaran dan semangat setiakawannya. Baginya, bekerja dengan doktor-doktor, jururawat dan para medik benar-benar amat mencabar mindanya. Hospital memerlukan pelbagai kelengkapan. Segala-gala peralatan untuk kemudahan pesakit perlu lengkap dan diperolehi dengan cepat. Bagi petugas HUKM nyawa adalah aset paling penting. Oleh sebab pada peringkat awal penubuhan HUKM amat kekurangan kakitangan, beliau bersama-sama rombongan HUKM ke Filipina untuk tugas pengambilan jururawat. Usaha-usaha peringkat awal juga dilakukan untuk melengkapkan kakitangan HUKM dengan mengadakan temuduga pengambilan terbuka bagi kakitangan sokongan di Terengganu dan Kelantan. Semuanya amat mencabar kewibawaan beliau kerana ketika itu HUKM masih baru bertapak.

Meniti hari-hari terakhirnya menuju ke zaman persaraannya di penghujung tahun 2005, Abu Bakar yang telah menunaikan fardu haji pada tahun 2000 bersama-sama suri hatinya, mengharapkan sinar baru yang lebih gemilang dalam hidup mereka. Beliau mahu bersara dengan tenang dan gembira setelah penat dilambung ombak kampus dan meniti gelombang ilmu. Harapannya agar semua kakitangan UKM dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin, jujur, ikhlas dan lebih efisien supaya menjadi contoh teladan kepada rakan-rakan yang lain. Sebagai kakitangan UKM, kita haruslah bekerja keras, mesti sentiasa gembira dan dapat menjalin hubungan yang baik antara satu sama lain tidak kira sama ada kakitangan akademik mahupun bukan akademik. Cita-citanya bersama misi fakulti turut dibawa sama. Misi fakultinya adalah bertekad menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengurusan perniagaan, perakaunan dan ekonomi melalui gabungan ilmu dan amalan yang mulia, profesionalisme yang tinggi dan perkembangan terkini.

Sebagai persiapan untuk menghadapi hari-hari persaraannya, beliau sedang menyiapkan diri untuk menjadi pesara UKM yang sedikit sebanyak telah berkorban apa sahaja demi untuk memartabatkan UKM ke kemuncak jaya. Tenaganya yang dicurahkan ibarat setitis air di lautan sedikit sebanyak dapat menyumbangkan kepada pembangunan UKM. Nasihatnya juga agar semua kakitangan sokongan UKM sentiasa menanam semangat untuk menadah ilmu dengan belajar setinggi yang terdaya mengenangkan mereka amat beruntung kerana bekerja di dalam persekitaran yang amat memberangsangkan dengan pelbagai wadah ilmu. Kakitangan UKM juga disarankan agar lebih melengkapkan diri dengan kemahiran informasi teknologi terkini dan dapat mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa sampingan sesuai dengan zaman sains dan teknologi tanpa meminggirkan kepentingan bahasa ibunda.

Abu Bakar Abdullah adalah seorang pentadbir yang boleh dicontohi. Dengan berbekalkan semangat Hang Tuah yang dibawanya, segala kegigihan dan semangatnya boleh membakar jiwa kakitangan sokongan UKM melangkah untuk menjadi pentadbir universiti yang disegani. Kerajinan beliau menuntut ilmu dan kerjaya beliau boleh dijadikan teladan dan tidak boleh dipandang sepi. Tidak ramai yang mempunyai semangat kental yang dihayunnya selama lebih tiga dekad di UKM. Pengorbanannya umpama lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain semata-mata untuk memuaskannya hati sendiri menuntut ilmu bagi meningkatkan taraf hidup keluarga yang dicintainya.

Saadah Hj. Jaffar, Pusat Penerbitan dan Percetakan

UKM Berjaya Memperolehi 29 Pingat di MASUM Ke-2

Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) Ke-2 yang melibatkan penglibatan 21 Universiti dan Kolej Universiti termasuk dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah berlangsung dari 8 hingga 14 Januari 2005.

Antara Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (selaku tuan rumah); Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara

Malaysia.

Manakala empat Institusi Pengajian Tinggi Swasta pula adalah Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Multimedia dan Universiti Tunku Abdul Rahman.

Sebanyak 12 jenis acara sukan telah dipertandingkan dalam pertandingan yang disertai seramai 2, 500 orang peserta ini. Acara-acara yang dimaksudkan adalah bola jaring, ragbi, tenpin boling, catur, skuasy, boling padang, softball, bola keranjang, futsal, bola sepak, taekwando dan kayak. Dalam pertandingan tersebut UKM berjaya memperolehi 29 pingat iaitu dua pingat emas, tujuh pingat perak dan 20 pingat gangsa.

Turut meraikan para atlet sempena Kejohanan Sukan MASUM 2 ini adalah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Dato' Othman Said (hadir di Majlis Makan Malam Kejohanan Sukan MASUM 2).

Sekitar Aktiviti Kejohanan Sukan Universiti-universiti Malaysia ke-2 





Loh Wan Chen Mendapat Anugerah Pelajar IT Terbaik 2004

Majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) dan Penganugerahan ICT 2004 yang ke-16 telah berlangsung pada 17 Disember 2004, di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Tetamu kehormat iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Dato' Kong Cho Ha, telah dijemput hadir untuk merasmikan majlis tersebut.

Majlis anjuran Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia adalah bertujuan meraikan dan menyampaikan anugerah kepada syarikat-syarikat IT Malaysia yang telah memberi sumbangan besar kepada industri ICT Malaysia selain menunjukkan pencapaian yang unggul dalam industri tersebut. Anugerah-anugerah yang telah disampaikan kepada syarikat-syarikat ICT termasuklah "Product of the Year", "Emerging Company of the Year", "CEO of the Year" dan "Technopreneur of the Year".

Walau bagaimanapun, pada tahun ini, PIKOM telah mengorganisasikan penyampaian Anugerah Pelajar IT Terbaik untuk julung kalinya. Anugerah tersebut dianugerahkan kepada pelajar-pelajar IT terpilih dari



Loh Wan Chen

Institusi Pengajian Tinggi tempatan yang terlibat dalam program PIKOM. Setiap penerima anugerah ini layak menerima sijil penghargaan serta hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 1000. Anugerah ini bukan sahaja merupakan satu penghargaan kepada para pelajar, tetapi lebih penting lagi menandakan usaha-usaha PIKOM untuk melibatkan komuniti akademik tempatan dalam pembangunan industri ICT Malaysia.

Dalam pada itu, mahasiswi, Loh Wan Chen, daripada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat telah dipilih sebagai penerima anugerah ini dari UKM. Saudari Loh yang berasal daripada Batu Pahat, Johor merupakan pelajar tahun akhir dalam Program Pengajian Multimedia. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi PIKOM, En. Harres Tan.

Selain UKM, penerima anugerah lain termasuklah mahasiswa dan mahasiswi daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan lain. Setiap IPT hanya dibenarkan untuk mencalonkan seorang pelajar sebagai penerima anugerah ini. IPT-IPT lain yang terlibat termasuk Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi MARA, Universiti Utara Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Multimedia. - Anthony Ulek Anak Jeti, FTSM

PELANTIKAN

Prof. Dr. Saran Kaur Gill Dilantik Sebagai Ahli Jawatankuasa Forum Saintifik UNESCO Bagi Asia dan Rantau Pasifik



Prof. Dr. Saran Kaur Gill

Prof. Dr. Saran Kaur Gill, dari Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah dipilih sebagai ahli Jawatankuasa Saintifik bagi Asia dan rantau Pasifik di bawah naungan Forum UNESCO berkenaan Pengajian Tinggi. Pemilihan tersebut dibuat berdasarkan penyelidikan dan penerbitan beliau, khususnya di dalam bidang polisi serta perancangan bahasa di peringkat pengajian tinggi.

Forum UNESCO berkenaan Pengajian Tinggi, Penyelidikan dan Ilmu ialah inisiatif global yang berteraskan penyelidikan. Objektif utamanya ialah untuk meningkatkan pemahaman mengenai sistem dan struktur, polisi, kecenderungan dan pembangunan dalam pengajian tinggi, penyelidikan serta ilmu. Forum ini menyediakan platform bagi penyelidik, penggubal polisi dan cendekiawan untuk mendalami secara kritikal isu-isu penyelidikan serta hasil

penyelidikan.

Forum UNESCO ini merangkumi lima Jawatankuasa Saintifik Serantau. Setiap satunya mewakili satu rantau, mengikut pembahagian geografi yang telah ditetapkan oleh UNESCO sendiri iaitu Afrika; negara-negara Arab; Asia dan rantau Pasifik; Eropah dan Amerika Utara; dan Amerika Latin serta rantau Caribbean.

'26.12.04 Tsunami: Prevention As A Matter of Policy'

Dialog Meja Bulat Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)-Akademi Sains Malaysia telah berlangsung pada 11 Januari 2005 di LESTARI, UKM Bangi.

Dialog '26.12.04 Tsunami: Prevention As A Matter of Policy' ini antara lain bertujuan mewujudkan sumbang saran serta pertukaran maklumat untuk kepentingan dan panduan dalam berhadapan dengan situasi bencana yang sama pada masa hadapan.

Antara intipati dialog meja bulat termasuklah mengenai kesan dari Tsunami yang merangkumi kesan sosial dari insiden tsunami, pencegahan strategik, polisi serta tindakbalas media terhadap insiden yang menimpa masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Terdapat enam tema utama yang dibentangkan menerusi program dialog sehari ini iaitu *Technical Aspects of the Tsunami Event* yang disampaikan oleh Prof. Emeritus Dr. Tjia Hong Djin (tema satu); *Social Impact of the Tsunami Event* yang disampaikan oleh Datuk Hajjah Shamsiah Abdul Rahman dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (tema dua); *Strategic Action for Hazard Impact Management* oleh SAC 1 Dato' Muhamad bin Muda (Bahagian Keselamatan Negara, Pejabat Perdana Menteri) (tema tiga); *Regional Perspective on Natural Hazards* oleh Dato' Muhammad bin Noh (tema empat); *Policy Direction on Environmental Hazards* oleh Dr. Saim Suratman (tema lima) dan *Media Response to the Tsunami Event* oleh Datin Rose Ismail (New Straits Times Sdn. Bhd.)

Antara penekanan utama yang diberi dalam dialog meja bulat ini termasuklah dari segi pengurusan organisasi dalam menghadapi bencana di Malaysia ini termasuklah dari aspek mencari dan menyelamatkan (antara agensi terlibat adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan



Dato' Salleh mengalu-alukan hadirin di Dialog Meja Bulat LESTARI mengenai Tsunami

Perkhidmatan Awam); Perkhidmatan kecemasan dan perubatan (Perkhidmatan perubatan kecemasan, Bulan Sabit Merah Malaysia, St. John Ambulance, perkhidmatan pengurusan forensik); sokongan (pejabat daerah, pejabat perancangan Bandar dan Wilayah, Tenaga Nasional Berhad); kawalan sekuriti (Polis Diraja Malaysia, RELA); kebajikan (RELA, St. John Ambulance, Bulan Sabit Merah) dan Media (penyiaran, kawalan media).

Turut disentuh adalah mengenai ketinggian paras ombak Tsunami yang dikatakan telah mencecah setinggi 15 meter di sesetengah bahagian/ tempat. Jadual berikut menunjukkan beberapa kawasan serta ketinggian ombak kawasan yang dilanda Tsunami pada 26 Disember yang lalu.

Kawasan yang Dilanda Tsunami dan Ketinggian Ombak

Bahagian / kawasan terlibat	Ketinggian ombak
Sumatera dan kawasan sekitarnya (termasuk Aceh)	10-15 meter
Sri Lanka dan kawasan sekitarnya	5-10 meter
India dan kawasan sekitarnya	5-6 meter
Kepulauan Andaman	> 5 meter
Thailand (Phuket)	3-5 meter
Lain-lain kawasan terlibat (Somalia dan Kenya)	2-3 meter

PELANTIKAN

Prof. Madya Dr. Idris Zakaria dilantik semula sebagai Pengetua Kolej Keris Mas mulai 20 Januari 2005 hingga 19 Januari 2007.

Prof. Madya Dr. Siti Zamratol-mai Sarah Mukari (Jabatan Audiologi dan Sains Pertuturan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu) dilantik sebagai Ketua Jabatan

Audiologi dan Sains Pertuturan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu mulai 5 Februari 2005 hingga 4 Februari 2008.

Prof. Madya Dr. Ambar Yarmo dilantik semula sebagai Ketua, Unit Instrumentasi Pusat Pengurusan Penyelidikan mulai 1 Februari 2005 hingga 31 Januari 2007.

UKM A - Juara Kategori English As Second Language di World Universities Debating Championship 2005

Penganjuran World Universities Debating Championship 2005 telah berlangsung di Universiti Multimedia, Cyberjaya bermula 27 Disember 2004 hingga 3 Januari 2005 lalu.

Seramai lebih 600 orang pendebat, 300 orang hakim dan pemerhati dari lebih 65 buah negara telah menyertai Kejohanan yang dianjurkan pada kali ini. Sebanyak 10 perlawanan pusingan awal pertandingan telah diadakan di Victoria Institution, Kuala Lumpur; Balai Seni Lukis Negara; Hotel Grand Seasons dan di Universiti Multimedia sendiri. Hanya kumpulan yang berjaya mencatatkan keputusan mata tertinggi menerusi 10 perlawanan ini sahaja layak mara ke pusingan suku akhir. Pada peringkat suku akhir ini, pasukan yang layak diasingkan mengikut Kategori ESL (English As Second Language) dan EFL (English As First Language). Dengan kata lain pada peringkat awal (10 pusingan awal), setiap pasukan akan bertemu tanpa mengira kategori.

Cabaran pasukan UKM A bagi pusingan suku akhir bermula apabila dipertemukan dengan University of Philipino DeCasa, Manila (UPDC A), University of Manila dan De La Sale (Manila), manakala pada pusingan separuh akhir pula, pasukan UKM A sekali lagi bertemu dengan UPDC A, Atteneo (Manila) dan University of Mgimo (Russia).

Posisi pada perlawanan pusingan akhir bagi kategori ESL adalah sepertimana berikut:

MGIMO - Opening Government

UKM A - Opening Opposition

National Technology University (A)-

Closing Government

National Technology University (B)-Closing Opposition

UKM A dianggotai oleh Khor Swee Kheng (mahasiswa tahun empat, Fakulti Perubatan) dan Tan Ai Huey

(mahasiswa tahun tiga, Fakulti Perubatan).

Tajuk: **This House Believes that Environmental Standards Should be Attached to Development Aid.**

Apa yang menariknya mengenai penglibatan pasukan UKM dalam pertandingan debat kali ini ialah apabila pasukan UKM berjaya mencatatkan sejarah sebagai pasukan dari Malaysia yang pertama berjaya menjuarai kategori ini bagi tempoh 25 tahun iaitu sejak penganjuran debat ini berlangsung pada tahun 1981 lagi. Pencapaian ini juga telah dicadangkan untuk disenaraikan di dalam Malaysian Guinness World Book of Record 2004 iaitu sebagai rekod yang mencatatkan secara umum dan peribadi mengenai pencapaian universiti kepada Malaysia dan UKM sendiri khususnya.

Terima kasih Ibu - 2

Terima kasih ibu,
kerana mengizinkan aku menjadi menantu Mu,
dalam sesingkat waktu,
Aku memanggil Ibu.
Setelah aku tak punya Ibu
ketika menjadi piatu...
Kau tetap Ibu walaupun tidak mengandungkan aku
dan tidak menyusukan aku

Terima kasih Ibu,
kerana kau melahirkan untukKu, seorang kekasih,
seorang teman karib juga seorang isteri untukKu.
Kini menjadi ibu untuk anak-anakKu

Terima kasih Ibu,
Dalam pilu kau pergi.
Walau sekelip cuma kami berbakti
Itu ketentuan Ilahi.

Kau Ibu MertuaKu,
Yang telah mewarnai kehidupan ini.
Dengan kerenah kami
Kau pergi dalam pilu, anak-anak dan
cucu-cucumu.....

A. Raai Osman
Jalan Bakariah, Muar, Johor.
26 Disember 2004

Prof. Madya Dr. Yang Farina Abdul Aziz Dilantik Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa



Prof. Madya Dr. Yang Farina Abdul Aziz

Prof. Madya Dr. Yang Farina Abdul Aziz dilantik sebagai Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPA), UKM mulai 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007. Sebelum ini beliau adalah Ketua Bahagian Hubungan Antarabangsa, PUSPA (2002-2004).

Bidang kepakaran Dr. Yang Farina adalah kimia khususnya dalam bidang kimia tak organik dan keselamatan kimia. Beliau banyak membantu dalam menganjurkan aktiviti ilmiah kimia tak organik di Jabatan Kimia, UKM. Penyelidikan beliau dalam bidang kimia tak organik telah diterbitkan dalam lebih 100 makalah meliputi jurnal antarabangsa, jurnal nasional, prosiding dan buku. Dalam bidang pengajaran, beliau telah mengajar pelbagai kursus kimia tak organik dan menjadi penilai luar bagi pelajar doktor falsafah dan sarjana selain penilai buku. Beliau juga sangat aktif

melibatkan diri dalam penganjuran seminar kimia peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dr. Yang Farina menganggotai Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Kimia, Institut Kimia Malaysia mulai tahun 1995 hingga kini. Jawatankuasa ini amat aktif menganjurkan beberapa siri seminar dan bengkel mengenai keselamatan kimia khususnya di industri dan sekolah. Di UKM, Dr. Yang Farina turut bertindak sebagai pelopor kepada penganjuran beberapa siri bengkel tahunan terutama yang melibatkan keselamatan di tempat kerja.

Antara aktiviti lain yang turut disertai oleh beliau termasuklah menganggotai Jawatankuasa Kerja Cat dan Varnis yang dilantik oleh SIRIM sejak 1995 untuk menerbitkan Piawaian Malaysia (Malaysian Standards) berkaitan industri cat. Kepakaran Dr. Yang Farina melayakkan beliau diiktiraf sebagai Juruaudit Persekitaran ISO 14000. Beliau juga mengetuai kumpulan perunding yang mengatur beberapa projek berkenaan pengurusan persekitaran.


Di UKM, Dr. Yang Farina dilantik sebagai koordinator program teknologi kimia yang pertama. Beliau telah memberikan sumbangan dalam pengurusan Universiti dengan melibatkan diri secara langsung dalam perancangan akademik Universiti seperti merangka dan melaksanakan *Pelan Strategik Universiti 2000-2020*. Dr. Yang Farina dilantik sebagai Ketua Bahagian Hubungan Antarabangsa, PUSPA UKM pada 2002. Sebagai Ketua Bahagian Hubungan Antarabangsa beliau telah banyak memberikan sumbangan dalam mempertingkatkan citra UKM di persada antarabangsa antaranya melalui jaringan kerjasama dan strategik dengan universiti luar negara dalam pelbagai bidang ilmu, program pertukaran pelajar pascasiswazah, mewujudkan laman web bahasa Inggeris dan menerbitkan buletin dan bahan promosi di dalam bahasa Inggeris.

Dr. Yang Farina aktif dalam pertubuhan antarabangsa dan kebangsaan seperti International Union of Crystallographers; International Union of Pure and Applied Chemistry; ahli Institut Kimia Malaysia dan ahli tetap Malaysian Analytical Sciences Society. Dalam masa lapang Dr. Yang Farina sibuk bersenam di gimnasium.

Majlis Makan Malam MASUM 2

Majlis makan malam bersama Kontigen Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) ke-2 telah berlangsung pada 13 Januari 2005 di Dataran Gemilang, UKM Bangi.

Selain turut dihadiri tetamu kehormat Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Dato' Othman Said, majlis pada malam itu turut disertai Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Timbalan Rektor dari 21 universiti dan kolej universiti yang terlibat dalam kejohanan sukan MASUM kali ini. Ini termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (selaku Tuan rumah); Universiti Malaya; Universiti Sains Malaysia; Universiti Putra Malaysia; Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia; Universiti Malaysia Sabah; Universiti Malaysia Sarawak; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Universiti Pendidikan Sultan Idris; Universiti Teknologi MARA; Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia; Kolej Universiti Tun Hussein



Majlis Makan Malam MASUM 2 turut diserikan dengan persembahan tarian tradisional dari Pusat Kebudayaan



Antara para atlit serta kakitangan Universiti dan MASUM yang hadir pada malam tersebut



Sebahagian dari para atlit dan pelajar bergambar kenangan bersama Datuk Azalina

Onn; Kolej Universiti Islam Malaysia; Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia; Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia dan Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia. Manakala empat Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang terlibat adalah Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas;

Universiti Multimedia dan Universiti Tunku Abdul Rahman.

Terdahulu, menerusi ucapan yang disampaikan oleh Datuk Azalina, beliau meletakkan harapan agar penganjuran kejohanan MASUM ini dapat dijadikan sebagai medan untuk mempamerkan corak permainan yang bermutu serta secara tidak langsung dapat mengasah bakat para pemain muda yang sememangnya diakui mempunyai potensi sebagai atlet yang berjaya pada masa hadapan.

Selain itu, jelas beliau lagi, kerajaan menerusi pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha serta berikhtiar untuk memajukan sukan negara dan ini diakui dengan kewujudan Dasar Sukan Negara yang antara lain bermatlamat untuk bertindak sebagai salah satu cara merealisasikan hasrat kerajaan itu sendiri.

“Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memaju dan

Lihat halaman 15

Malam Tanjung Puteri

Malam Tanjung Puteri anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Johor (PERMAJ) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim telah berlangsung pada 8 Januari 2005 di Kelab Rekreasi Universiti, UKM Bangi.

Majlis yang bertemakan Keakraban Jalinan Kemesraan ini dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Johor, YB. En. Aziz Kaprawi yang mewakili Menteri Besar Johor, YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman.

Matlamat utama program ini adalah untuk menjalinkan hubungan yang erat di antara PERMAJ dengan kerajaan Johor selain sebagai satu pencetus kepada jalinan hubungan yang baik dengan kakitangan Johor dan alumni UKM amnya disamping memperkenalkan keunikan kebudayaan Johor kepada masyarakat UKM itu sendiri.

Terdahulu menurut YB. Aziz Kaprawi dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan harapan beliau agar para mahasiswa dapat menjadi contoh yang terbaik kepada masyarakat dan generasi yang akan datang. Dengan kata lain sekiranya generasi terdahulu telah membuktikan

kebolehan dan kejayaan maka generasi baru juga seharusnya dapat menerus serta mempertingkatkan kecemerlangan tersebut melalui garapan ilmu dan pengalaman yang diperolehi.

Selain itu, beliau juga menyarankan agar para mahasiswa supaya sentiasa mengambil sikap sensitif dan peka terhadap alam sekeliling dan masa depan negara dan seterusnya memperlengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan disamping menetapkan misi dan visi yang jelas supaya mereka dapat menetapkan sasaran ke arah mengecapi masa depan yang cemerlang.

Justeru, ujar beliau para mahasiswa seharusnya menggunakan peluang yang ada dengan sebaik mungkin terutama semasa masih menuntut ini untuk menimba sebanyak mungkin pengalaman agar dapat bersaing dalam menempuhi dunia dan masa depan yang semakin mencabar.

PERMAJ yang ditubuhkan pada 1975 adalah merupakan persatuan yang berdaftar di UKM di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 1975 perlembagaan UKM). Berpegang kepada moto 'Cemerlang Bersama Johor 2005', PERMAJ telah menjadi wadah kedua bagi para mahasiswa untuk menuntut ilmu kemanusiaan dan menimba pengalaman secara tidak formal.

Majlis Makan Malam MASUM 2

Dari halaman 14

memanfaatkan sukan dalam masyarakat, melalui usaha melahirkan bakat-bakat baru yang berpotensi, serta menggalakkan peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal di kalangan setiap warganegara umumnya. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah meluluskan Dasar Sukan Negara pada 20 Januari 1998 yang berlandaskan kepada konsep 'Sukan Untuk Semua' dan Majlis Kecergasan Kebangsaan yang telah dilancarkan pada 12 November 2004 di Stadium Bukit Jalil oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan slogan 'Ke Arah Malaysia Cergas,

Sihat dan Bersatu'. Dalam konteks ini, saya berbangga kerana penganjuran kejohanan sukan MASUM ini boleh dianggap sebagai satu usaha untuk mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan agar sukan dijadikan medium untuk menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, ikatan muhibah dan sikap toleransi", ujar beliau.

Beliau juga tidak lupa merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua 2,500 orang atlit dan para pegawai yang terlibat dalam penganjuran sukan MASUM kali ini.

Kejohanan Sukan MASUM 2 ini adalah lanjutan daripada Kejohanan Sukan MASUM 1 yang telah selesai dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia. Sukan MASUM 2 ini telah berlangsung pada 8 Januari 2004



Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia


2003
262 hlmn
Chin Yee Whah
Penerbit UKM
ISBN 967-942-619-X

Hubung kait antara budaya dan kebangkitan ekonomi di Asia Timur dan Asia Tenggara menjadi analisis penting sejak

akhir dekad 1970-an hingga kini. Kebanyakan sarjana menganggap budaya adalah statik. Sebenarnya budaya niaga tidak bersifat statik tetapi dinamik dan mengambil bentuk baru dalam konteks struktur politik, sosioekonomi dan budaya yang berbeza-beza. Terdapat interaksi antara budaya niaga usahawan Cina di Malaysia dengan transformasi keusahawanan mereka. Penglibatan etnik Cina dalam perniagaan bukan sahaja didorong oleh budaya tetapi keluarga, psikososial individu dan kesan pengalaman kerja yang saling berintegrasi mempengaruhi

cara mereka. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan peluang menjadi majikan turut mempengaruhi tindakan usahawan Cina menceburi perniagaan. Integrasi pelbagai pengaruh inilah yang membawa kedinamikan dalam keusahawanan Cina. Amalan xinyong dan guanxi dalam rangkaian perniagaan didapati berubah mengikut perkembangan pasaran yang semakin kompleks. Syarikat perniagaan keluarga Cina mulai berkembang ke arah pemodenan dalam aspek sistem pengurusan sumber manusia; peningkatan profesionalisme dan pengurangan nepotisme, peningkatan konsep milik bersama dan berkongsi keuntungan; penyata akaun syarikat semakin telus, (berpisah daripada perbelanjaan keluarga); peningkatan dalam penggunaan teknologi canggih; dan berlakunya kerjasama serta usaha sama dengan syarikat transnasional dan tempatan. Budaya usahawanan Cina mulai berubah khasnya dalam sektor industri yang berdasarkan teknologi. Sementara itu, usaha sama bentuk lama (Ali-Baba) walaupun masih kekal tetapi semakin berkurangan.

Pembelian/pesanan mel-e: penerbit@pkriscc.ukm.my



Kimia Air

2003
103 hlm
Mazlin Mokhtar, Mohd Talib Latif dan Lee Yook Heng
LESTARI, UKM
ISBN 967-61-1410-3

Semua hidupan di muka bumi bergantung kepada air. Manusia memerlukan air untuk minuman, pengairan, perikanan, perindustrian, pengangkutan dan pelupusan

bahan buangan. Oleh itu, adalah sesuatu yang amat penting untuk menentukan ciri-ciri kimia sesuatu jasad air.

Sejak kebelakangan ini impak atau kesan aktiviti manusia telah dikenal pasti sebagai punca pencemaran air. Oleh itu sebarang program untuk mengurangkan kesan aktiviti manusia seharusnya dilaksanakan berdasarkan kefahaman tentang proses-proses yang mengatur komposisi air di permukaan bumi.

Kimia air merupakan satu bidang kimia yang berkaitan dengan tindak balas kimia pelbagai sebatian dalam air khususnya air semula jadi. Tindak balas kimia akan menentukan komposisi, taburan dan kitaran sebatian kimia dalam air. Walaupun perbincangan tentang kimia air berasaskan bidang kimia tetapi aspek

geologi dan biologi air juga memainkan peranan dalam pemahaman sesuatu proses kimia yang berlaku dalam air.

Disebabkan jasad air sendiri tidak dapat diasingkan daripada komponen lain dalam persekitaran, maka pemahaman tentang sesuatu sebatian kimia dalam air sering kali memerlukan maklumat daripada bidang lain seperti kimia atmosfera, geokimia sedimen dan peranan organisma yang wujud dalam air atau sedimen. Dilihat dari sudut tindak balas kimia air, proses-proses yang dapat mempengaruhi komposisi dan taburan sebatian kimia dalam air ialah pengkompleksan, pelarutan-pemendakan, pengoksidaan-penurunan, interaksi biokimia dan interaksi antara fasa.

Penentuan kimia asid-bes adalah sesuatu yang penting dalam kimia air. Adalah sesuatu yang amat penting untuk memahami sistem karbonat yang mempengaruhi pH air semula jadi dan mendatangkan kesan terhadap kelarutan ion logam tertentu. Kebanyakan proses pemendakan-pemelarutan, pengoksidaan-penurunan dan tindak balas pembentukan kompleks melibatkan tindak balas asid-bes. Kepekatan ion logam dalam air amat dipengaruhi oleh fenomena asid bes. Kepekatan ion hidroksida dalam sesuatu larutan biasanya dapat menganggarkan kebanyakan ion logam di dalam larutan tersebut.

Pembelian/pesanan mel-e: lestari@pkriscc.ukm.my